

PEMBIAYAAN MIKRO DARIPADA DANA ZAKAT DI MALAYSIA : FATWA DAN REALITI

Nurul Ilyana Muhd Adnan^{1,a}, Azlin Alisa Ahmad^{2,b}

^{1,2}Pusat Fiqh Kontemporari & Pematuhan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

^ailyana_adnan@ukm.edu.my, ^bazlinalisa@ukm.edu.my

Kata kunci: pembiayaan mikro, fatwa, realiti

Abstrak. Modal pusingan untuk perniagaan mikro pada ketika ini disediakan secara percuma oleh institusi zakat di Malaysia. Namun sejak akhir-akhir ini, agihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia telah melebihi daripada amaun yang dikutip. Justeru, mereka cuba mencadangkan alternatif baru iaitu pemberian modal pusingan dalam bentuk pembiayaan mikro. Persoalannya, apakah terdapat fatwa tentang agihan untuk modal pusingan melalui pembiayaan mikro daripada dana zakat? Apatah lagi pemberian modal pusingan dalam bentuk pembiayaan mikro yang ditawarkan ketika ini dikatakan tidak bebas daripada unsur-unsur riba. Dapatan daripada analisis kandungan terhadap data primer mempamerkan bahawa terdapat fatwa yang tidak membenarkan dan yang membenarkan bantuan modal pusingan dalam bentuk pembiayaan mikro yang dibiayai daripada dana zakat. Akan turut diujahkan bahawa telah wujud bantuan modal kerja dalam bentuk pembiayaan mikro yang dibiayai daripada dana zakat di institusi zakat di negara Islam yang boleh dijadikan model untuk diaplikasikan oleh institusi zakat di Malaysia.

Pendahuluan

Zakat perlu diagihkan kepada setiap golongan yang berhak menerima zakat. Sekiranya salah satu golongan yang berhak tidak wujud seperti *al-riqab*, bahagian tersebut perlu diagihkan kepada fakir miskin. Malah lebih dari itu, Abdul Aziz Muhammad (1993) mencadangkan supaya kaedah agihan zakat di Malaysia perlu dikaji semula supaya ia benar-benar berfaedah kepada penerima zakat.

Hal ini kerana antara tujuan zakat ialah untuk pembangunan asnaf zakat sama ada dalam bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian. Nabi Muhammad SAW memberi perhatian yang serius terhadap isu kemiskinan. Baginda telah menjelaskan kepada para sahabat bahawa zakat perlu dibelanjakan untuk membantu golongan miskin.

Sehubungan dengan itu, para ulama Islam telah bersependapat bahawa keutamaan dalam agihan zakat ialah untuk mengurangi kemiskinan. Dalam bidang ekonomi, salah satu kaedah yang dipakai ialah melalui pengagihan zakat produktif (Zahri Hamat, 2010). Kaedah tersebut ialah melalui pembiayaan mikro.

Dengan itu, perbincangan dalam artikel ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama akan membincangkan tentang metodologi kajian yang meliputi kaedah pengutipan data dan analisis data. Ini diikuti dengan bahagian kedua yang akan membincangkan tentang fatwa berkaitan pembiayaan mikro daripada dana zakat dan realitinya di Malaysia. Akhirnya di bahagian ketiga akan dibincangkan tentang rumusan kajian.

Metodologi Pengutipan Data dan Analisis Data

Bagi mendapatkan maklumat tentang fatwa, kajian perpustakaan dibuat ke atas teks dan dokumen-dokumen fatwa berkaitan. Semua teks dan dokumen-dokumen tersebut diperoleh daripada laman sesawang dan penerbitan daripada institusi-institusi yang dipilih.

Manakala bagi mendapatkan maklumat tentang realiti di Malaysia, tiga kumpulan pakar diperlukan sebagai responden. Mereka ialah pakar ekonomi, pakar fiqh, Mufti dan Majlis Fatwa Malaysia dan institusi zakat. Untuk itu, temu bual merupakan kaedah paling sesuai digunakan. Kaedah temu bual merupakan salah satu kaedah utama bagi penyelidikan secara kualitatif (Lim, 2007:208). Kesemua maklumat primer dikumpul mengikut kriteria sampel dan instrumen kajian yang telah ditetapkan. Pemilihan sampel untuk temu bual ini akan dibuat melalui kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Data yang diperolehi hasil daripada temu bual ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*).

Metod ini bertujuan untuk membuat analisis ke atas pandangan-pandangan responden. Semua pandangan responden diklasifikasikan mengikut kategori pandangan. Setiap pandangan responden akan disebut mengikut kategori masing-masing. Jika terdapat persamaan pandangan di dalam kategori tersebut, hanya satu pandangan sahaja yang disebut.

Fatwa Tentang Pembiayaan Mikro daripada Dana Zakat di Malaysia

Pembiayaan mikro daripada dana zakat tergolong dalam masalah *ijtihad*¹⁰. Ia berkait rapat dengan perubahan sosial. Oleh itu, *masalah ammah* adalah berbeza mengikut perbezaan masyarakat. Ini sesuai dengan sifat sejagat syariat Islam itu sendiri. Asas yang diguna pakai oleh para fuqaha’ dalam menentukan mekanisme ini ialah *Maqasid Syariah*. Oleh kerana pembiayaan mikro melalui dana zakat ini memberi kebaikan kepada masyarakat setempat, maka ia boleh dilaksanakan (Armiadi Musa Basyah, 2009).

Pengagihan zakat melalui pembiayaan mikro tidak bertentangan dengan konsep *masalah ammah* yang ingin dicapai malah tidak akan merosak *masalah* individu *mustahiq* zakat lain. Modal pembiayaan mikro yang telah diberikan akan dikembalikan semula oleh *mustahiq* kepada institusi zakat untuk disalurkan kembali kepada *mustahiq* zakat lainnya (Muhammad Yasir Yusof, 2010).

Pembiayaan mikro daripada dana zakat merupakan satu alternatif untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan riba. Pembiayaan mikro ini akan dilaksanakan dalam bentuk *qard al-hasan*. Menurut Yusuf al- Qaradawi, (2002) pembiayaan mikro tersebut dibenarkan berdasarkan pandangan Abu Zahrah, Hasanin Khalaf dan Hasan ‘Ab. Rahman. Ketiga-tiga mereka ini membenarkan pembiayaan mikro tanpa riba iaitu *qard al-hasan* daripada dana zakat. Abu Zahrah (1951), membenarkan dana zakat digunakan untuk pembiayaan mikro. Ini kerana peminjam akan membayar balik. Jika si peminjam meninggal dunia, maka hutang mereka akan dilangsaikan menggunakan peruntukan asnaf *gharimin*.

Perkara ini turut dibincangkan dalam seminar pertama *The Management of Zakah in Modern Muslim Society* pada tahun 1985. Dalam seminar tersebut, Shawki Ismail Shahatah (1989) mencadangkan pembiayaan mikro tanpa riba patut diberi kepada yang memerlukan dalam keadaan tertentu. Misalnya kecemasan, bencana alam, masalah kesihatan dan kos pembedahan yang tinggi. Beliau turut mengatakan bahawa pembiayaan mikro tanpa riba harus diperkembangkan dan diberikan kepada orang yang bankrap dan pembiayaan mikro tersebut dilaksanakan berdasarkan keperluan Syariah.

Bantuan perniagaan dalam bentuk pinjaman daripada dana zakat merupakan perkara *ijtihad*. Hal ini terbukti dengan adanya dua fatwa yang saling bertentangan.

Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang 2009² tidak membenarkan pinjaman daripadadana zakat :

Pihak urusetia Basiswa perlu mendapat kepastian samada kenyataan Y.B Dato’ Seri pada 4 Mac 2000 benar-benar dimaksudkan dengan wang zakat kerana perkataan zakat tiada disebut dalam ucapan beliau. Tidak ada mana-mana Majlis Agama negeri-negeri yang melaksanakan skim pinjaman pengajian dari sumber zakat. Wang zakat itu sendiri tidak boleh diberi sebagai bantuan pinjaman kerana harta zakat merupakan tamlik (memberi milik) bukan untuk pinjaman oleh mereka.

Sebaliknya keputusan Jawatankuasa Fatwa Melaka 2011³ membenarkan:

Skim bantuan pinjaman perniagaan secara *qard al-hasan* daripada asnaf al-gharimin boleh dibuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengambilkira pendapatan pemohon selagimana perniagaan yang dijalankan tidak bercanggah dengan hukum syarak. Bagaimanapun, disebabkan dana zakat yang terhad, maka pentadbir zakat perlu menetapkan syarat-syarat tertentu dalam pemberian pinjaman perniagaan ini berdasarkan kaedah awlawiyyat (keutamaan) bagi menjamin wang zakat dapat diagih secara adil kepada semua sanaf yang berhak. Justeru itu, disyorkan supaya skim ini hanya layak untuk pemohon yang memenuhi syarat-syarat berikut: a) Pemohon yang hendak memulakan perniagaan sahaja. b) Pemohon tidak mampu memperolehi pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan berlandaskan syariah.

Keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ (Fatwa) Negeri Selangor 1998 juga membenarkannya:

“Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ (Fatwa) Negeri Selangor telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti serta mengikut hukum yang mu’tabar dan mengambil keputusan seperti berikut:

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ (Fatwa) Negeri Selangor yang diadakan pada 23 Mac 1998 memutuskan untuk bersetuju dan menerima dengan pembaharuan palaksanaan agihan modal melalui konsep bayar semula separuh peruntukan agihan modal dalam Dana Amanah Fakir/Miskin dan Muallaf (DAM)”.

Teks fatwa di atas menunjukkan ada perbezaan antara fatwa tersebut. Perbezaan antara ketiga-tiga fatwa dapat dilihat dalam Jadual 1.1 di bawah.

	Pulau Pinang	Melaka	Selangor
Tidak dibenarkan atau dibenarkan	• Tidak dibenarkan	• Dibenarkan dengan syarat • Pemohon yang hendak memulakan perniagaan sahaja • Pemohon tidak mampu memperolehi pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan berlandaskan syariah	• Dibenarkan
Alasan	• Hak tamlik	• Diambil daripada hak gharimin	• Diambil daripada dana khas – Dana Amanah Fakir/Miskin dan Muallaf (DAM)
Kaedah		• Konsep <i>qard hasan</i>	• Konsep bayar semula

Berdasarkan fatwa Pulau Pinang, menunjukkan bahawa skim pinjaman pengajian atau pelajaran tidak boleh diambil daripada sumber zakat. Ini termasuklah sebarang jenis pinjaman, terutamanya pinjaman modal. Hujah mereka ialah wang zakat merupakan hak tamlik (pemilikan) asnaf. Maka wang tersebut tidak boleh dijadikan dana untuk pinjaman.

Menurut fatwa Melaka ini, skim bantuan pinjaman perniagaan boleh diberikan kepada asnaf yang layak. Iaitu asnaf yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pinjaman tersebut boleh diberi dalam bentuk *qard al-hasan*. Sumber dananya boleh diambil daripada hak asnaf *al-gharimin*. Fatwa ini menunjukkan Melaka lebih terbuka dalam hal agihan zakat berbanding Pulau Pinang. Mereka berpendapat demikian mungkin disebabkan ramai asnaf fakir miskin di Melaka yang berminat dalam perniagaan tetapi tidak mampu memiliki modal.

Jawatankuasa Fatwa Selangor juga mengambil sikap lebih terbuka dalam hal agihan zakat. Mereka telah bersetuju untuk menerima pembaharuan dalam pelaksanaan agihan zakat. Pembaharuan yang dibuat ialah konsep bayar semula separuh peruntukan agihan modal yang diambil daripada Dana Amanah Fakir/Miskin dan Muallaf (DAM). Ini bermakna, asnaf yang layak akan diberikan modal. Kemudian mereka akan membayar semula modal yang diberi mengikut perjanjian yang ditetapkan. Hal ini kerana di Selangor, ramai asnaf yang berminat untuk berkecimpung dalam perniagaan. Mereka bukan sahaja memerlukan modal permulaan, bahkan modal pusingan untuk membesarkan perniagaan.

Berdasarkan Jadual 1.1 di atas, jelas menunjukkan kaedah ini dibenarkan untuk dilaksanakan walaupun terdapat satu fatwa yang tidak membenarkannya. Oleh sebab itu, kaedah ini berpotensi untuk dilaksanakan. Hal ini sama seperti pengalaman di Aceh.

Terdapat beberapa hujah dalam menentukan hukum pembiayaan mikro daripada dan zakat di Aceh. Namun, ia membawa kepada keputusan yang sama. Keputusan tersebut menyatakan dana zakat boleh diagihkan dalam bentuk pembiayaan mikro untuk kepentingan masyarakat miskin.

Realiti di Malaysia

Kebanyakan cendekiawan di Malaysia bersetuju bahawa pembiayaan mikro daripada dana zakat berpotensi dilaksanakan. Syed Othman AlHabshi (2014), menyokong pelaksanaan pembiayaan mikro daripada dana zakat. Beliau mengatakan kaedah ini boleh diguna pakai berdasarkan pandangan Abu Zahrah, Yusuf Al-Qaradawi, Khallaf dan Hasan. Hal ini berikutan situasi di Malaysia yang memerlukan kaedah ini dilaksanakan demi kepentingan masyarakat miskin. Tambahan pula, Abu Zahrah, Yusuf Al-Qaradawi, Khallaf dan Hasan membenarkannya.

Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk melaksanakan program agihan dana zakat dalam bentuk pembiayaan mikro. Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2013), berpendapat bahawa Malaysia boleh menjadikan Aceh sebagai model. Hal ini kerana kaedah ini adalah baru di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat halangan yang perlu dihadapi oleh pihak

² Rujuk website Portal Rasmi Fatwa Malaysia: Isu sumber zakat sebagai pinjaman.

³ Rujuk website Portal Rasmi Fatwa Malaysia : Fatwa berkaitan agihan zakat MAIM: Isu skim bantuan perkahwinan dan pinjaman perniagaan.

penganjur dalam melaksanakan kaedah ini. Salah satu halangan dan risiko yang dimaksudkan ialah gangguan fatwa. Yakni ada fatwa yang tidak membenarkan dan ada fatwa yang membenarkan kaedah agihan ini dilaksanakan. Besar kemungkinan kaedah agihan seperti ini akan dikritik oleh ramai ulama', terutamanya ulama' konservatif. Untuk melaksanakan sesuatu benda, perlu sesuai dengan keadaan setempat. Dengan itu, pihak penganjur harus bersiap sedia dengan rintangan yang akan dihadapi. Namun beliau berharap itu semua bukanlah suatu halangan untuk melaksanakannya.

Perkara ini disokong oleh Mohd Mohadis Yasin (2014). Beliau berpendapat bahawa walaupun kaedah ini kaedah baru, masih boleh dipertimbangkan lagi kerana ia melibatkan masalah masyarakat. Tambahan pula tiada nas yang menghalang kaedah pengagihan sebegini.

Menurut Jasmi Rasaf⁴ dan Mohd Hairul Amin Mohd Sis⁵, Pusat Zakat Melaka (PZM) ada melaksanakan kaedah ini. PZM memperuntukkan sebanyak RM5000 sebagai modal permulaan untuk asnaf memulakan perniagaan. Ianya berjaya. PZM juga mengatakan bahawa Jawatankuasa Fatwa Melaka telah mengeluarkan fatwa yang membenarkan dana zakat diberi dalam bentuk pembiayaan mikro kepada asnaf yang berkelayakan untuk berniaga.

Oleh sebab itu, Majlis Agama Islam Negeri memainkan peranan penting dalam menentukan agar kaedah ini dapat dilaksanakan di seluruh Malaysia. Hal ini kerana kaedah ini dapat membantu mereka yang berpendapatan rendah dan mereka yang memerlukan. Terutamanya sebagai modal perniagaan bagi yang ingin menceburi bidang tersebut.

Pada pandangan Shamsiah Mohamad (2013) pula, tiada isu daripada aspek hukum yang menghalang pembiayaan mikro daripada dana zakat ini dilaksanakan di Malaysia. Hal ini kerana keharusan pemberian pembiayaan mikro tidak menafikan *Maqasid Syariah* dalam pensyariatan zakat. Malah membebaskan asnaf daripada kesukaran hidup sehingga dapat berdikari. Seterusnya dapat menjadi pembayar zakat. Ini lebih menepati maqasid zakat. Tambahan pula, pembiayaan mikro ini tidak menafikan hak asnaf zakat kerana ia dikembalikan semula apabila dibayar nanti.

Luqman Abdullah (2014) menambah Malaysia memang berpotensi untuk dilaksanakan kaedah ini. Namun begitu, beliau berkata pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri harus memberi penjelasan sewajarnya kepada masyarakat. Juga kepada pihak yang bertanggung jawab agar tidak berlaku penyelewengan. Menurut beliau lagi, fatwa merupakan salah satu sumber hukum yang diterima pakai dalam sistem perundangan Islam. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam menentu dan memperihalkan sistem keagamaan yang berkait rapat dengan masyarakat. Jawatankuasa Fatwa ini tidak bersifat statik dan membeku, malah mesti bersifat dinamik dan berkembang serta mampu menangani permasalahan semasa masyarakat.

Justeru, antara institusi agama yang paling berwibawa di dalam struktur pentadbiran di Malaysia ialah Institusi Mufti. Pengalaman di Malaysia, peranan fatwa amat signifikan dalam meningkatkan kesedaran dan rasa kebertanggungjawaban umat terhadap syariat Islam khususnya zakat.

Rumusan

Pengagihan zakat perlu berubah mengikut keperluan dan perubahan sosio ekonomi masyarakat. Ini penting bagi memastikan zakat terus relevan dalam menangani masalah sosial dan ekonomi umat Islam yang semakin mencabar. Khalifah Umar al-Khattab pada masa pemerintahannya ada menyediakan skim pinjaman tanpa faedah menggunakan dana perbendaharaan negara. Skim pinjaman ini untuk membantu golongan *gharimin* yang memerlukan wang. Majlis Agama Islam Negeri dan Jawatankuasa Fatwa harus memainkan peranan dalam mengemaskini nas berdasarkan kepentingan semasa dan setempat dengan sedikit pengubahsuaian disebabkan timbulnya keperluan kepada umat. Keperluan tersebut ialah memberi kemaslahatan kepada umat dan menjauhkan dari kesukaran.

Dengan kata lain, fuqaha' kontemporari perlu melihat kepada melihat kepada *maqasid* kefarduan zakat itu sendiri, bersesuaian dengan apa yang disebut oleh Ibn Qayyim al-Jauzi (1975), iaitu berubah dan berbezanya fatwa sesuai dengan perubahan tempat, masa, keadaan masyarakat, niat dan adat kebiasaan. Justeru, adalah disarankan agar institusi zakat di Malaysia dapat melaksanakan pembiayaan mikro daripada dana zakat.

Rujukan

Abdul Aziz Muhammad. (1993). Zakat and Rural Development in Malaysia (Tesis Ijazah Doktor Falsafah). Universiti Malaya.

Abu Zahrah. (1997). Usul al-fiqh. Dimashq: Dar Al-Fikr.

Ibnu Qayyim Al-Jauzi. (1975). *Zad al-ma'ad fi hadyi khair al-ibad*. Beirut: Muassasah Al- Risalah.

Shawki Ismail Shihatah. (2000). Limitation on the use of zakah funds in financing the socio- economic infrastructure of society. *Management Of Zakat In Modern Muslim Society*. I. A. Imtiaz. Riyadh: IDB:IRTI.

Temubual dengan Syed Othman AlHabshi pada 2 Februari 2014, melalui emel.

Temubual dengan Mahmood Zuhdi Abd. Majid pada 29 Mei 2013 di Jabatan Fiqh Wal Usul Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Temubual dengan Mohd Mohadis Yasin pada 16 April 2014 di Pusat Zakat Melaka.

Temubual dengan Shamsiah Mohamad pada 11 November 2013 melalui emel.

Temubual dengan Luqman Abdullah pada 24 Mac 2014 di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Univ. Malaya.

Yusuf al-Qaradhawi. (2002). *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Zahri Hamat. (2010). Kelestarian Pengagihan Dana Zakat Di Baitul Mal Aceh dalam kertas kerja di International Seminar Economic Regional Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia. Anjuran Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Riau, Pekan Baru, Indonesia.

4 Beliau merupakan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Bahagian Fatwa).

5 Beliau merupakan Pegawai Hal Ehwal Islam (Bahagian Zakat).